

15/05/1999

17 guru dipilih pemenang menulis cerita

SERAMAI 17 guru dari sekolah rendah dan menengah terpilih sebagai pemenang Peraduan Menulis Cerita Kanak-kanak Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang buat pertama kali diperkenalkan sempena sambutan Hari Guru tahun ini.

Daripada jumlah itu, enam guru memenangi kategori Bahasa Melayu (Tahap Satu), iaitu Awang Abdullah dari Terengganu, Rijet Ak Niset (Kuching), Saroja Theavy a/p Balakrishnan (Selangor), Nor Aznim Mohd Radzi (Johor), Junainah Alias (Selangor), dan Roziha Abd Rahman (Johor).

Enam lagi guru yang memenangi kategori Bahasa Melayu (Tahap Dua), ialah Zaleha Yahaya dari Seberang Prai Selatan, Zaid Md Saman (Melaka), Zainab Hashim (Perak), Adnan Omar (Seberang Prai Selatan), Sarinah Yusof (Kuala Terengganu), dan Tengku Norlaila Tengku Ismail (Melaka).

Bagi Peraduan Menulis Cerita Kanak-kanak Bahasa Inggeris (Tahap Satu), pemenangnya ialah Prema a/p Devarajan dari Pulau Pinang, manakala peraduan tahap dua pula dimenangi oleh Nasip Khor a/p Chanan Singh (Kedah), Lim Ai Leng (Melaka), Rohaya Yusoff (Perlis), serta Mallika Vasugi Govindarajoo (Johor Bahru).

Setiap kategori peraduan bagi kedua-dua tahap satu dan dua itu menawarkan hadiah wang tunai RM1,000 untuk tempat pertama, kedua (RM750), ketiga (500), dan tiga hadiah sagu hati masing-masing berjumlah RM250.

Kedudukan tempat setiap pemenang akan diumumkan pada majlis sambutan Hari Guru 1999 peringkat kebangsaan yang dijadual dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Mines Exhibition Centre, Sungai Besi, esok.

Peraduan menulis cerita kanak-kanak itu yang diperkenal bertujuan memupuk minat guru terhadap bidang penulisan kreatif, mempertingkatkan kemahiran menulis di kalangan guru, dan menambah bahan bacaan dalam bahasa Melayu serta bahasa Inggeris untuk murid tahap satu dan dua.

Tajuk cerita adalah bebas tetapi hendaklah berkaitan dengan pembentukan insan mulia yang berwawasan.

Penulis dilarang menyentuh perkara sensitif seperti mengenai ras, agama dan politik, manakala latar belakang cerita hendaklah berdasarkan masyarakat Malaysia yang berfokuskan kehidupan harmoni dan bersatu padu di kalangan pelbagai kaum.

Peraduan berkenaan terbuka kepada semua guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara dan panjang cerita adalah di antara 1,000 hingga 1,500 patah perkataan untuk tahap satu serta RM2,000 sehingga 2,500 patah perkataan untuk tahap dua.

(END)